



SIARAN MEDIA

50 TAHUN PENUBUHAN : NAFAS TERUS KEKAL RELEVAN SEBAGAI PAYUNG RANTAIAN PERTUBUHAN PELADANG

PETALING JAYA; 30 Mac 2022 – Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS) pada hari ini menganjurkan Majlis Pelancaran Jubli Emas 50 tahun yang disempurnakan oleh Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Yang Berhormat Datuk Seri Dr Ronald Kiandee.

Penubuhan Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS) pada 31 Mac 1972 adalah daripada ilham Perdana Menteri Malaysia yang kedua, Allahyarham Tun Abdul Razak Hussein Al Haj. Pada awalnya, NAFAS dikenali sebagai Persatuan Peladang Kebangsaan dan didaftarkan di bawah Akta Persatuan Peladang 1967. Ianya bertanggungjawab sebagai badan induk kepada persatuan-persatuan peladang di seluruh negara.

Seiring dengan peredaran masa dan bagi membolehkan pergerakan peladang mencapai kemajuan, persatuan-persatuan peladang dan syarikat-syarikat kerjasama asas tani di seluruh negara telah dicantumkan menjadi Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) yang didaftarkan di bawah Akta Pertubuhan Peladang 1973.

Berikutan perubahan yang berlaku di peringkat kawasan dan negeri, Persatuan Peladang Kebangsaan telah didaftarkan semula sebagai Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS) pada 1984.

Sehingga hari ini, NAFAS telah disertai 14 Pertubuhan Peladang Negeri, (PPN), 279 Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) dan dianggotai 928,636 ahli peladang di seluruh negara. Struktur ini melengkapkan rangkaian tiga peringkat pertubuhan peladang. Rangkaian Pertubuhan Peladang telah dipertanggungjawab untuk menyatu dan menggembung sumber Pertubuhan Peladang dan seterusnya berperanan sebagai badan perniagaan peladang.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee dalam ucapan perasmianya berkata, tempoh 50 tahun yang dilalui NAFAS telah memperlihatkan betapa usaha keras dalam memastikan kebijakan serta menjaga kesejahteraan ahlinya, sekali gus terus mengembangkan dan memajukan sektor pertanian negara secara keseluruhannya.

Kejayaan NAFAS berkait rapat dan telah banyak membantu menaikkan taraf hidup dan sumber ekonomi Keluarga Peladang dari semasa ke semasa menerusi pelbagai program dan inisiatif dalam memastikan Pertubuhan Peladang sebagai badan perniagaan milik peladang yang bertanggungjawab menyatu dan menggembung sumber semua ahli bagi mencapai matlamat serampang dua mata. Iaitu mendapatkan perkhidmatan dalam aktiviti pengeluaran hasil pertanian serta keuntungan daripada perniagaan yang berkait langsung dengan ahli peladang.

Melalui pendekatan ini, rangkaian Pertubuhan Peladang di seluruh negara yang bergabung di bawah NAFAS telah berjaya merealisasikan hasrat Kerajaan membawa transformasi pertanian supaya menjadi sektor yang moden dan dinamik.

Mengulas lanjut mengenai iltizam NAFAS, Pengerusi Jemaah Pengarah NAFAS, Dato' Zamri bin Yaakob berkata dalam memastikan NAFAS terus kekal relevan sebagai payung kepada rantaian Pertubuhan Peladang, NAFAS akan melaksanakan 5 Tekad NAFAS sebagai fokus menuju tahun 2030 yang merangkumi;

i. **TEKAD PERTAMA : Pembangunan Industri Padi & Beras**

Tekad ini akan memberi fokus untuk memperlengkapkan rantaian nilai industri padi & beras dengan mewujudkan ladang-ladang benih, pengambilalihan loji benih, pengurusan sawah padi berpusat serta pengilangan beras sebagai satu usaha meningkatkan pengeluaran beras negara.

Bagi tumpuan tekad ini, NAFAS kini sedang kearah Pembangunan, Pengeluaran dan Pengkomersialan Benih Padi Hibrid NAFAS yang dilaksanakan bersama dengan agensi Kerajaan berkaitan serta syarikat rakan kongsi yang dijangka bermula musim 1/2023.

Objektif perkembangan program ini ialah menjadi alternatif kepada para pesawah kelak dengan tawaran Benih Padi Hibrid berbanding Benih Padi Inbrid yang sedia ada di pasaran. Kajian yang dilaksanakan membuktikan peningkatan hasil tuaian sehingga 50% setiap hektar.

Selain daripada itu, NAFAS yang telah menjadi salah satu syarikat peneraju Program Smart Sawah Berskala Besar (SMART SBB) kini akan mewujudkan rantaiannya melalui SMART SBB PELADANG.

Matlamat pelaksanaan SMART SBB PELADANG ini selain daripada meningkatkan pendapatan pesawah serta hasil padi dengan penggunaan Benih Padi Hibrid NAFAS, ianya dapat memperkuuhkan kerjasama seluruh jentera Pertubuhan Peladang menjadi rantaian lengkap bagi pelaksanaan konsep SMART SBB PELADANG yang akan dilancarkan kelak.

ii. **TEKAD KEDUA : Pemasaran Input Baja dan Kimia**

Tekad ini akan memberi fokus kepada penyelidikan & pembangunan, pengilangan dan pemasaran input baja & racun sebagai pendapatan baharu NAFAS dalam pasaran terbuka.

iii. **TEKAD KETIGA : Pemain Utama Industri Ayam**

Tekad ini akan memberi fokus untuk melengkapkan rantaian nilai ayam bermula daripada makanan ayam, ternakan ayam hingga ke pemprosesan ayam bagi membolehkan rangkaian Pertubuhan Peladang menjadi pemain utama industri ayam halal untuk keperluan domestik dan antarabangsa.

iv. **TEKAD KEEMPAT : Sumber Kekayaan Baharu**

Tekad ini memberi fokus kepada pembangunan sektor pertanian baharu seperti nanas MD2 serta durian musang king disamping memperluas ladang kelapa sawit milik NAFAS sebagai satu sumber yang menjamin pendapatan.

v. **TEKAD KELIMA : Kemakmuran Keluarga Peladang**

Tekad ini memberi fokus kepada perkongsian kemakmuran NAFAS kepada semua peringkat Pertubuhan Peladang melalui sumbangan, bantuan serta pembangunan kerjaya kepada generasi Peladang masa hadapan.

Meniti usia 50 tahun, NAFAS lebih bersedia mendepani cabaran dan melihat kepada keperluan masa depan. Sebagai sebuah institusi yang menerajui pergerakan Pertubuhan Peladang serta sebagai badan perniagaan yang berdaya maju, NAFAS akan lebih dinamik dan produktif dalam mengurus serta membentuk masyarakat tani yang berdikari, makmur dan bersatu padu demi Keluarga Peladang.